

Kes pinda laporan audit 1MDB

Najib, Arul Kanda dibebaskan

Mahkamah dapati tiada bukti bekas PM arah laporan audit akhir 1MDB dipinda

Oleh Ahmad Johari Mohd Ali dan Farah Marshita Abdul Patah
ajohari@bh.com.my

Kuala Lumpur: Mahkamah Tinggi di sini, semalam memutuskan bahawa tiada bukti menunjukkan Datuk Seri Najib Razak mengarahkan laporan audit akhir 1Malaysia Development Berhad (1MDB) dipinda untuk membebaskan dirinya daripada sebarang liabiliti sivil atau jenayah.

Hakim Mohamed Zaini Mazlan dalam penghakimannya berkata, bekas Perdana Menteri itu hanya bimbang laporan audit itu boleh diputarbelitkan bagi tujuan politik dan pindaan laporan audit itu berdasarkan pertimbangan dan persetujuan bekas Ketua Audit Negara Tan Sri Ambrin Buang serta dokumen daripada tertuduh pertama, bekas Ketua Pegawai Eksekutif 1MDB, Arul Kanda Kandasamy.

Beliau berkata, mahkamah membebaskan Najib dan Arul Kanda selepas memberikan penilaian maksimum pada akhir kes pendakwaan selepas mendapati pendakwaan gagal membuktikan kes *prima facie* terhadap kedua-dua tertuduh.

Bekas Perdana Menteri itu katanya, hanya bimbang laporan audit itu boleh diputarbelitkan bagi tujuan politik dan pindaan laporan audit itu berdasarkan pertimbangan dan persetujuan bekas Ketua Audit Negara, Tan Sri Ambrin Buang serta dokumen daripada tertuduh pertama (bekas Ketua Pegawai Eksekutif



Arul Kanda pada sidang media selepas dibebaskan daripada pertuduhan pindaan laporan akhir audit 1MDB, semalam. (Foto Asyraf Hamzah/BH)

1MDB Arul Kanda Kandasamy).

"Ini tidak perlu sekiranya pengurusan 1MDB lebih bekerjasama sebelum laporan audit awal diterbitkan. Tiada bukti menunjukkan bahawa Ambrin terpaksa menghadiri mesyuarat atau membuat perubahan kepada laporan audit.

"Mengenai suapan yang diktakan itu, saya bersetuju bahawa tiada kaitan antara pindaan yang dibuat dan suapan yang didakwa," kata hakim itu.

Beliau berkata, pihak pendakwaan tidak menunjukkan bagaimana item yang dikeluarkan atau dipinda itu boleh menimbulkan liabiliti sivil atau jenayah kepada Najib.

"Pindaan berkenaan, seperti yang dinyatakan oleh Ketua Audit Negara (ketika itu) adalah wajar.

"Mahkamah juga mendapati perkara yang dipinda atau dikeluarkan daripada laporan audit itu 'diketahui dan dibincangkan secara terbuka' oleh Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC)," katanya.

Oleh itu, beliau berkata angapan di bawah Seksyen 23(2) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 tidak

boleh terpakai kerana pihak pendakwaan tidak dapat membuktikan suapan.

Mengenai dua penyata kewangan 1MDB, hakim itu berkata Najib dilihat tidak mengetahui perkara ini sehinggalah ia dibawa kepada perhatiannya oleh Ambrin.

Mengenai Arul Kanda selaku tertuduh pertama yang didakwa bersubahat melakukan kesalahan itu, Mohamed Zaini berkata, bekas CEO 1MDB terbabit memberi keterangan yang benar dan menyeluruh selaku saksi pendakwaan.

"Tertuduh pertama (Arul) konsisten sepanjang keterangannya dan menjawab dengan jujur, manakala jawapannya sama dengan keterangan dikemukakan saksi lain," katanya.

Mohamed Zaini berkata, malah Ambrin mengesahkan tiada arahan khusus daripada Najib untuk meminda atau mengeluarkan apa-apa daripada laporan audit itu.

"Tiada bukti Ambrin dipaksa menghadiri mesyuarat atau membuat perubahan kepada laporan audit," katanya.

Beliau berkata Najib berhak

menerima salinan laporan audit itu kerana beliau adalah Menteri Kewangan dan pihak berkepentingan bagi 1MDB.

Ini turut diakui oleh Ambrin serta seorang saksi pendakwaan bahawa ia perkara biasa, katanya.

Arul Kanda yang didakwa bersubahat dengan Najib, memberikan keterangan terhadap bekas perdana menteri itu selama dua hari bermula 25 Ogos tahun lalu selepas dibenarkan mahkamah mengikut Seksyen 63 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) yang membolehkan tertuduh sesuatu kes menjadi saksi pihak pendakwaan.

Pendakwaan memohon Arul Kanda memberi keterangan terhadap Najib atas alasan beliau mempunyai maklumat penting yang boleh membuktikan kes terhadap bekas Ahli Parlimen Pekan itu, terutama berhubung satu mesyuarat pada 24 Februari 2016.

Menurut pendakwaan, keputusan membuat pindaan kepada Laporan Pengauditan Akhir 1MDB dilakukan ketika mesyuarat di pejabat bekas Ketua Setiausaha Negara, Allahyarham Tan Sri Dr Ali Hamsa.

Terdahulu, Najib dan Arul Kanda yang berada dalam kandang tertuduh, kelihatan gembira dengan keputusan itu dan bekas perdana menteri itu juga sempat memeluk seorang penyokongnya.

Najib, 70, yang sedang menjalani hukuman penjara 12 tahun kerana menyeleweng dana SRC International Sdn Bhd, didakwa menggunakan kedudukannya untuk mengarahkan pindaan dilakukan terhadap Laporan Pengauditan Akhir 1MDB sebelum dibentangkan kepada Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) untuk mengelakkan sebarang tindakan diambil terhadapnya.

Arul Kanda, 45, pula didakwa bersubahat dengan Najib dalam membuat pindaan berkenaan bagi melindunginya daripada tindakan tatatertib, sivil atau jenayah berkaitan 1MDB.